

## IKON ILMU

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

**I**SU pendidikan amat sebat dengan jiwa Profesor Dr Zakaria Kasa, ia dapat dilihat menerusi kelantaungan beliau menyuarakan pendapat serta menyumbang buah fikiran mengenai dasar dan perkembangan semasa bidang berkenaan.

Sebelum memegang jawatan semasa sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pendidikan Sultan Idris, beliau berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kerjayanya sebagai pensyarah bermula di UPM pada 1982 selepas tamat pengajian ijazah doktor falsafah di Universiti Ohio State, Amerika Syarikat.

Dilantik sebagai profesor, beliau dipertanggung-

# Dr Zakaria berpengalaman dalam bidang pendidikan



Gambar Ibu Bapa

PENDIDIKAN dasar harus diberi perhatian bagi membentuk murid bermula dari Tahun Satu hingga Tahun Enam.

wabkan mengajar bidang pengkhususannya, Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Pengurusan dan Penyeliaan Pendidikan.

Kementerian Pengajian Tinggi turut melantik

beliau sebagai Presiden Persatuan Pendidikan Vokasional dan Teknikal Malaysia serta Pengurus Majlis Dekan Fakulti Pendidikan.

Kewibawaan dalam bidang kepkarannya itu turut mendapat kepercayaan pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa bagi menaja lebih 35 projek penyelidikan dijalankannya.

Antara agensi terbabit ialah: Kementerian Pelajaran, Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan Perdana Menteri, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Perkhidmatan Pembangunan Jerman, Kementerian Pengajian Tinggi, Unit Perancangan Ekonomi serta Persatuan Pendidikan, Sainsifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Lebih 140 hasil penulisan dan penyelidikan beliau diterbitkan dalam buku, jurnal, modul serta kertas kerja seminar dan persidangan.

Zakaria juga disenaraikan Kementerian Pelajaran sebagai antara ahli akademik yang terbabit dalam perangkaan kurikulum sekolah berkaitan bidang pertanian, agroteknologi, pendidikan teknikal dan vokasional serta Ahli panel Penasihat Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Penilaian Kurikulum Institut Pendidikan Guru.

Baru-baru ini, beliau turut dilantik sebagai Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara.

Sebagai peneraju kluster itu, beliau berkata; pihaknya bukan saja akan memberi fokus kepada bidang akademik, malah turut

memberi perhatian bidang kemahiran yang semakin meluas keperluan dan permintaannya kepada negara, khususnya dasar kerajaan seperti Model Baru Ekonomi.

"Tumpuan utama kami pada peringkat awal ini adalah menambah baik pendidikan dasar bermula Tahun satu hingga Tahun enam dengan memberi fokus kepada penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran insaniyah termasuk penghayatan nilai murni dan adab."

"Pendidikan dasar harus diberi perhatian bagi membentuk murid yang memiliki pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan kemahiran sosial diperlukan kerana dengan atas kukuh ini, lebih mudah mereka menyusun diri dengan suasana pembelaan peringkat tinggi dan kerjaya," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

**“**Zakaria juga disenaraikan Kementerian Pelajaran sebagai antara ahli akademik yang terbabit dalam perangkaan kurikulum sekolah berkaitan bidang pertanian, agroteknologi, pendidikan teknikal dan vokasional “

## PROFIL



Profesor Dr Zakaria Kasa

### Pendidikan

- Sekolah Rendah Tunku Bendahara, Kodiang, Kedah (1964 - 1969).
- Sekolah Menengah Tunku Bendahara, Kodiang, Kedah (1970 - 1972).
- Sekolah Menengah Ibrahim, Sungai Petani, Kedah (1973 - 1974).
- Diploma Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia (1975 - 1978).
- Bachelor Pendidikan Pertanian, Universiti Louisiana State, Amerika Syarikat (1978 - 1980).
- Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Louisiana State, Amerika Syarikat (1980 - 1981).
- Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Teknikal dan Vokasional (pengkhususan pengurusan dan penyeliaan), Universiti Ohio State, Amerika Syarikat. (1990 - 1993).

### Kerjaya

- Pensyarah Pendidikan Pertanian, UPM (1982 - 1997).
- Profesor Madya, UPM (1997 - 2004).
- Profesor, UPM (2004 - sekarang).
- Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM (1995 - 2002).
- Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM (2002 - 2007).
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPSI (2007 - sekarang).

### Pelantikan lain

- Ahli Panel Penasihat Sekolah Kluster Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran.
- Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara.